



KENYATAAN MEDIA

TEKUN NASIONAL BANTU USAHAWAN PULAU PINANG PULIHKAN PERNIAGAAN

PULAU PINANG, 8 OGOS 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui TEKUN Nasional telah mewujudkan Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TEKUN Business Recovery Scheme – TBRS), bagi membantu usahawan mikro yang terjejas perniagaan akibat penularan wabak Covid-19. Sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan di bawah Pakej PENJANA bagi melaksanakan skim ini.

YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi ketika ditemui dalam Majlis Penyampaian TBRS di Pulau Pinang berkata, “Kerajaan telah menyalurkan peruntukan RM100 juta ke TEKUN Nasional di bawah Pakej PENJANA dan beliau berharap skim ini dapat mengurangkan impak wabak covid 19 ke atas usahawan mikro khususnya.”

“Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRS) telah mula dibuka untuk permohonan mulai 13 Julai 2020. Skim ini menyediakan pembiayaan mikro sehingga RM10,000.00 dengan kadar faedah yang dikenakan sebanyak 3.5% setahun. Sehingga kini TEKUN Nasional telah menerima sebanyak 8,158 permohonan dengan nilai RM78.9 juta. Daripada jumlah tersebut RM28.3 juta telah diluluskan kepada 3,949 usahawan TBRS di seluruh negara. Manakala bagi negeri Pulau Pinang sahaja seramai 222 usahawan telah menerima pembiayaan dengan nilai RM1.47 juta”.

“Pembiayaan ini bertujuan untuk membantu usahawan mikro memulihkan perniagaan mereka dan setiap pembiayaan akan diberikan tempoh moratorium selama 6 bulan. MEDAC menganggarkan seramai 10,000 orang usahawan mikro akan dapat manfaat melalui skim ini”.

Untuk maklumat lanjut mengenai Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRS), pemohon boleh layari website TEKUN di www.tekun.gov.my.

MEDAC berharap Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRS) akan dapat membantu usahawan mikro untuk memulihkan perniagaan yang terjejas akibat penularan wabak Covid 19 dan seterusnya merencanakan ekonomi negara.

Disediakan oleh,
Jabatan Korporat dan Pemasaran,
TEKUN Nasional

8 Ogos 2020